



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***CINTA KEPADA ILAHI DALAM PUISI-PUISI DARMA MOHAMMAD***

***MOHD DAUD BIN IBRAHIM***

**FBMK 2015 60**



**CINTA KEPADA ILAHI DALAM PUISI-PUISI DARMA MOHAMMAD**



**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai  
memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera**

**Disember 2015**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan manapun bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

Andai masih diberi masa  
akanku gapai impian yang masih belum tercapai  
biarpun batu terpaksaku junjung  
Jihad ini hanya untuk-Mu  
Jihad ini hanya untuk mencari-Mu



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk  
ijazah Sarjana Sastera

## **CINTA KEPADA ILAHI DALAM PUISI DARMA MOHAMMAD**

Oleh

**MOHD DAUD BIN IBRAHIM**

**Disember 2015**

**Pengerusi : Profesor Madya Samsina Abdul Rahman, PhD**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini dilakukan untuk meneliti konsep cinta kepada Ilahi dalam puisi Darma Muhammad. Hal ini demikian kerana, gambaran cinta manusia kepada Allah S.W.T. meliputi segala-galanya termasuklah penciptaannya dalam karya sastera. Walau demikian, kehadiran penyair-penyair Islamik yang cukup disegani seperti Suhaimi Haji Muhammad, Ahmad Kamal Abdullah dan Darma Muhammad membawa pengolahan yang berbagai berhubung sesebuah karya yang dihasilkan. Namun, sehingga kini kajian yang menyeluruh tentang puisi-puisi Darma Mohammad masih kurang berbanding penyair-penyair Islamik yang lain seperti Suhaimi Haji Muhammad, Ahmad Kamal Abdullah, Nahmar Jamil dan beberapa orang lagi. Justeru, timbul persoalan mengapa puisi-puisi Darma Mohammad masih tidak mendapat perhatian yang menyeluruh dalam sesebuah kajian. Sedangkan dari sudut kepenyairannya, beliau telah diperakui cukup prolifik menghasilkan puisi-puisi sedemikian. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis cinta kepada Ilahi dalam puisi-puisi Darma Mohammad. Selain itu, menganalisis konsep cinta kepada Ilahi dalam puisi-puisi Darma Mohammad. Tumpuan perbincangan cinta kepada Ilahi yang diketengahkan oleh pengkaji dalam kajian ini merangkumi tiga konsep yang utama iaitu cinta kepada Ilahi meliputi konsep kekasih dan perindu (*mahbub-asyik*), cinta kepada Ilahi meliputi konsep mendekati Allah melalui jalan-jalan Sufi dan kerohanian serta cinta kepada Ilahi meliputi konsep kehambaan (*ubudiyah*). Sebanyak empat buah kumpulan puisi karya Darma Mohammad telah dianalisis. Antara kumpulan puisi yang dianalisis iaitu kumpulan puisi *Gernyut Nafas* (1989), kumpulan puisi *Janjang Iktikaf* (2003), kumpulan puisi *Nafas Dari Lembah Atar* (2009) dan kumpulan Puisi *Ufuk Fikir* (2012). Dapatkan kajian mendapati bahawa, beberapa buah puisi Darma Mohammad jelas memaparkan mengenai beberapa konsep cinta kepada Ilahi yang dibawakan dalam kajian. Hal ini dapat dibuktikan apabila pengkaji menggunakan keadaan penerapan teoritikal Konseptual Kata Kunci bagi melihat kata kunci dan ungkapan-ungkapan berunsurkan cinta kepada Ilahi digunakan oleh penyair dalam usahanya menunjukkan perasaan cintanya kepada Allah S.W.T. Oleh yang demikian, kajian ini diharap mampu memberikan lagi satu imput yang mendalam terhadap karya-karya penulis puisi tempatan.

Abstract of thesis to the Senate of Universiti Putra Malaysia fulfillment of the requirement for  
the of degree Master of Arts

## **ALLAH LOVE'S IN POETRY DARMA MOHAMMAD**

By

**MOHD DAUD BIN IBRAHIM**

**December 2015**

**Chairman : Profesor Madya Samsina Abdul Rahman, PhD**

**Faculty : Modern Language and Communication**

This study was conducted to examine the concept of Allah love's in poetry Darma Mohammad. This is so because, the love of man to God S.W.T. covers everything including the creation of literary works. However, the presence of Islamic poets who was well respected as Suhaimi Haji Muhammad, Ahmad Kamal Abdullah and Darma Muhammad bring a variety of processing in respect of the work produced. However, until now a thorough study of the poetry of Mohammad Darma still less than un-Islamic poets such as Suhaimi Haji Muhammad, Ahmad Kamal Abdullah, Nahmar Jamil and a few others. Thus, the question arises why the poems Darma Mohammad has not gone unnoticed in an extensive study. While from the point poet been certified Darma Muhammad prolific enough to produce such poems. The objective of this study is to identify and analyze the love of God in poetry Darma Mohammad. In addition, to analyze the concept of Allah love's in the poems Darma Mohammad. The focus of discussions in love with the Divine highlighted by the researchers in this study includes three concepts, namely the love of God covers the concept beloved and yearned (mahbub-asyik), the love of God covers the concept closer to God through the streets of Sufism and spirituality and love for the Divine covers the concept of servanthood (ubudiyyah). A total of four groups of the poem by Darma Mohammad has been analyzed. Among the poems which analyzed the poems *Gernyut Nafas* (1989), a collection of poems *Janjang Iktikaf* (2003), a collection of poems *Nafas Dari Lembah Atar* (2009) and a collection of poems *Ufuk Fikir* (2012). The study found that, several poems Darma Mohammad clear display on some concept of love to the Allah, performed in the study. This can be demonstrated when researchers use the method of application of the theoretical conceptual Keywords for the keywords and phrases love to the Allah used by the poet in its efforts to show her love to God S.W.T. The study is expected to provide more in-depth one imputed to the works of local poets.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T. yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah izin-Nya tesis *Cinta Kepada Ilahi Dalam Puisi Darma Mohammad* dapat disiapkan.

Tanpa dilupakan mereka yang menjadi tulang belakang kepada kerja-kerja penyelidikan ini adalah para penyelia yang amat dihormati lagi dikasihi Prof Madya Dr Samsina Binti Abdul Rahman dan Prof Madya Dr Arba'ie Bin Sujud sekalung ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas bantuan dan tunjuk ajar selama ini. Ilmu yang dicurahkan ini, akan dijadikan panduan sepanjang perjalanan akademik ini.

Turut tidak ketinggalan isteri yang tercinta Nur Amirah Binti Che Soh yang telah banyak membantu dan memberi semangat untuk diri ini menyiapkan kajian ini.

Sesungguhnya, tanpa anda-anda semua kajian ini tidak mampu disiapkan dengan sempurna.

Akhir kata, pengkaji amat berharap agar tesis ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan diharapkan dapat memenuhi seperti mana yang dikehendaki. Sebagai manusia biasa, pengkaji tidak lari dari melakukan kesilapan. Sehubungan itu, sebarang kekurangan itu adalah datang dari kelemahan diri pengkaji sendiri dan sesungguhnya segala yang baik dan sempurna itu hanya milik Allah S.W.T.

Wallahuaklam...

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada.....untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohd Daud Bin Ibrahim untuk menilai tesis beliau yang bertajuk "Cinta I Kepada Iah Dalam Puisi-Puisi Darma Mohammad" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatan kuasa tersebut telah memperakuan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Nama Pengerusi, PhD**

Sapaan  
Nama Fakulti  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nama Pemeriksa 1, PhD**

Sapaan  
Nama Fakulti  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Nama Pemeriksa 2, PhD**

Sapaan  
Nama Fakulti  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Nama Pemeriksa Luar, PhD**

Sapaan  
Nama Jabatan  
Nama Organisasi  
Negara  
(Pemeriksa Luar)

---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia  
Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Samsina Abdul Rahman, PhD.**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Arba'ie Sujud, PhD.**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## **PERAKUAN**

### **Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain samaada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan */fabrikasi* data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No.Matrik: Mohd Daud Bin Ibrahim (GS30423)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Samsina Abdul Rahman

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud

## **SENARAI KANDUNGAN**

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Kepentingan Kajian	3
1.5 Batasan Kajian	4
1.6 Definisi Operasional	5
1.6.1 Cinta kepada Ilahi	5
1.6.2 Puisi	6
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	8
2.1 Pengenalan	8
2.2 Kajian Konsep Cinta Kepada Ilahi	8
2.3 Kajian Teori Konseptual Kata Kunci	14
<b>3 METODOLOGI</b>	19
3.1 Pengenalan	19
3.2 Kaedah kajian	19
3.3 Kerangka teori	19
3.4 Justifikasi Pemilihan Teori	19
3.5 Latar Belakang Kemunculan Teori Konseptual Kata Kunci	20
3.6 Teori Konseptual Kata Kunci	20
3.6.1 Kepengaruhuan	22
3.6.2 Pemilihan kata (Diksi)	23
3.7 Kerangka Kajian	24
<b>4 ANALISIS KAJIAN</b>	25
4.1 Pengenalan	25
4.2 Dapatan dan Perbincangan Cinta Ilahi Dalam Puisi-Puisi Darma Mohammad	25
4.2.1 Cinta kepada Ilahi meliputi konsep Kekasih dan Perindu ( <i>Mahbub-asyik</i> )	25
4.2.2 Cinta kepada Ilahi meliputi konsep mendekati Allah melalui jalan-jalan Sufi dan kerohanian	46
4.2.3 Cinta kepada Ilahi meliputi konsep kehambaan ( <i>ubudiyah</i> )	63
4.2.4 Kepengaruhuan Cinta kepada Ilahi Dalam Puisi-Puisi	

Darma Mohammad	72
4.2.5 Faktor Kemunculan Cinta Ilahi Dalam Puisi-Puisi Darma Mohammad	73
<b>5 RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>74</b>
5.1 Pengenalan	74
5.2 Rumusan	74
5.3 Cadangan	75
5.4 Penutup	75
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>76</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>79</b>



## **SENARAI SINGKATAN**

AS	-	Alaihi Sallam
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
IPGM	-	Institut Perguruan Malaysia
SAW	-	Sallolloh Hualaihi Wassalam
SPB4L	-	Sistem Pemikiran Bersepada (Luhur, Lahir, Logik, Lateral)
SWT	-	Subhanawataala



## **SENARAI RAJAH**

### **Rajah**

### **Halaman**

1	Prinsip Utama Teori Konseptual Kata Kunci	21
2	Faktor yang boleh mempengaruhi seorang penulis/penyair	22
3	Pemilihan Kata (Diksi)	23
4	Kerangka Kajian	24



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1	Kumpulan-Kumpulan Puisi Darma Muhammad	5
2	Puisi-Puisi di Bawah Konsep Kekasih dan Perindu ( <i>Mahbub-Asyik</i> )	27
3	Kata Kunci yang Meliputi Konsep Kekasih dan Perindu ( <i>Mahbub-Asyik</i> )	46
4	Puisi-Puisi di Bawah Konsep Mendekati Allah S.W.T. Melalui Jalan-Jalan Sufi dan Kerohanian	48
5	Kata Kunci yang Meliputi Konsep Mendekati Allah Melalui Jalan-Jalan Sufi dan Kerohanian	63
6	Puisi-Puisi di Bawah Konsep Perhambaan ( <i>Ubudiyah</i> )	64
7	Kata Kunci Meliputi Konsep Perhambaan ( <i>Ubudiyah</i> )	72



## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Salah satu komponen utama dalam sesebuah karya sastera adalah tema dan persoalan. Puisi, cerpen, novel maupun drama didasari oleh satu idea utama yang menghidupkan perjalanan idea pengarang dalam sesebuah karya sastera samaada prosa maupun puisi. Tunjang perjalanan idea ini akan dikembangkan dengan pecahan persoalan-persoalan utama yang menjurus kepada sesuatu isu utama, iaitu tema. Persoalan-persoalan yang biasanya menjadi olahan utama oleh seseorang penulis sastera ada kalanya menyentuh mengenai persoalan cinta kepada Ilahi, persoalan isu-isu semasa, persoalan kekejaman perang, persoalan penindasan, persoalan bahasa Melayu dan persoalan alam sekitar. Persoalan cinta kepada Ilahi sering di gunakan oleh penulis-penulis sastera terdahulu terutamanya dalam genre puisi.

Antara penulis-penulis tersebut adalah Rabaitul al-Adawiyah, Ibnu Arabi, Jalaluddin al-Rumi dan Hamzah Fansuri. Kekuatan penyair-penyair sufi ini diperlihatkan dalam puisi-puisi ciptaan mereka yang cukup tinggi memaparkan mengenai tema-tema ketuhanan dan cinta kepada Ilahi. Oleh yang demikian, secara tidak langsung kehadiran penyair dan puisi-puisi kesufian sebegini mampu memantapkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. serta berupaya membentuk masyarakat yang tinggi tahap keimanannya setelah membaca puisi-puisi yang menyentuh mengenai cinta kepada Ilahi.

Umunnya, seseorang penyair sufi akan menghasilkan puisi berasaskan satu rasa cinta kepada Allah S.W.T. dan kepada nabi-Nya. Sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Allah S.W.T. di dalam al-Quran, bagi menghuni syurga Allah S.W.T. pertimbangan yang dilakukan haruslah berdasarkan peringkat iman seseorang. Oleh itu, keperibadian seseorang yang mencintai kerana Allah S.W.T., membenci kerana-Nya, merupakan petanda peringkat imannya telah sempurna. Hal ini kerana, tahap iman yang sebenar adalah berdasarkan cinta yang teguh dan jernih kepada Allah S.W.T. dan Rasul-Nya. Mencintai Allah adalah tingkat yang tertinggi dalam diri setiap muslim di muka bumi ini. Naluri mencintai Allah S.W.T. adalah kurniaan agung daripada Allah S.W.T. yang wujud di dalam hati manusia yang beriman dan yang dikehendaki-Nya. Allah S.W.T. berfirman dalam surah *al-Baqarah* ayat 165 menjelaskan bahawa:

Dan antara mereka ada orang yang menyembah selain Allah, mereka mencintainya sebagaimana mereka mencintai Allah. Adapun orang yang beriman sangat cinta kepada Allah. Dan seandainya orang yang berbuat zalim itu mengetahui ketika mereka melihat seksa (pada hari kiamat) bahawa kekuatan itu kepunyaan Allah semuanya dan bahawa Allah amat berat seksa-Nya (nescaya mereka menyesal).

(al-Quran dan Terjemahan, 25: 2010)

Kesempurnaan cinta terhadap Ilahi membawa kepada insan al-Kamil (*sempurna*). Kesempurnaan yang hakiki adalah dengan memilih untuk selalu bersama dengan Allah. Zahirnya pelbagai cara yang menjadi penunjuk kepada seseorang muslim untuk selalu bersama dengan-Nya seperti jihad di jalan Allah, melakukan segala tita perintah-Nya (*amal makruf dan nahi mungkar*), membantu sesama muslim dan menyampaikan kebaikan atau suruhan-Nya kepada saudara sesama muslim. Cinta kepada Ilahi merupakan pencapaian semangat luhur yang menjadi impian para *Salik* (mereka yang menuju Allah S.W.T. melalui jalan rohani) serta obsesi yang ingin dicapai oleh seseorang muslim.

Sebagai salah satu jalan untuk selalu bersama dengan-Nya, bidang kesusasteraan juga mampu dijadikan sebagai modal utama manyampaikan ajaran, suruhan dan tegahan-Nya. Sebagaimana dalam sebuah hadis yang mengatakan mengenai kepentingan menyampaikan ilmu. Contohnya dari Abdullah bin 'Amr ra., dari Nabi S.A.W., sabdanya:

"Sampaikanlah (apa yang kamu dapat) dari ku walau satu ayat sekalipun; dan ceritakanlah (apa yang sampai kepada kamu) dari hal Bani Israel dan (dalam pada itu) tidak ada salahnya (kalau kamu tidak ceritakan). Dan (ingatlah!) sesiapa yang berdusta terhadapku dengan sengaja, maka hendaklah ia menyediakan tempatnya dalam neraka.

(<http://www.islamgrid.gov.my/hadith>)

Cinta kepada Ilahi mampu digarap berdasarkan kepada tunjang utama penghasilan karya yang menjurus kepada keislaman dan kerohanian. Sebagai salah satu cara untuk mengungkapkan rasa cinta kepada Ilahi dalam kalangan penulis sastera adalah melalui sumber idea yang suci mengungkap dan mengajak masyarakat pembaca mendambakan cinta-Nya serta menyampaikan segala kebaikan yang telah dijelaskan oleh syarak dan al-Quran. Wadah sastera merupakan salah satu jalan untuk memaparkan sifat cinta terhadap Ilahi. Karya-karya sastera yang menjurus kepada keislaman merupakan salah satu contoh yang mampu ditemui rasa cinta kepada Ilahi seseorang penulis terhadap Allah S.W.T.. Sering kita temui dalam karya-karya sastera terutamanya genre puisi yang keseluruhan tema dan persoalan telah digarap oleh pengkaryanya dengan nafas-nafas Islam yang sempurna sifatnya. Antara penyair-penyair tempatan yang sering diperkatakan cukup tinggi menghasilkan karya bernalfaskan Islam seperti Darma Mohammad, Suhaimi Haji Muhammad, Abizai, Nahmar Jamil dan Ahmad Kamal Abdullah.

Keterlibatan penyair-penyair ini dalam bidang penulisan puisi yang bercirikan keislaman telah sedikit sebanyak membuka lembaran baru bagi bidang puisi kesufian bertapak di negara ini. Perkembangan ini juga dilihat dilihat memberi impak yang tinggi terhadap bidang sastera Islamik di negara ini. Puisi-puisi bercirikan Islamik sufistik dilihat mampu menjadi tugas penting dalam menyampaikan kemurniaan agama Islam dan kebesaran ciptaan Allah S.W.T.. Hal ini amat bertepatan jika diselidiki dari sudut tugas-tugas insani seseorang muslim Islam yang dikehendaki memakmurkan bumi Allah S.W.T. dan menyampaikan segala ajaran dan suruhan-Nya sebagaimana dalam firman Allah S.W.T. dalam Surah *al-An'am* ayat 165 yang bermaksud:

Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan dengan beberapa darjat sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) untuk menguji kamu tentang apa yang dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhan amat cepat seksaan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(al-Quran dan Terjemahan, 149: 2010)

Perbezaan gaya kepengarangan dan penyampaian seseorang penyair dalam puisi-puisi bercorak Islamik secara tidak langsung menjadikan puisi-puisi tersebut menarik untuk diteliti dalam sebuah kajian. Penggunaan simbolisme dan kepelbagaiannya bahasa dalam puisi seseorang penyair serta kepelbagaiannya latar belakang kepenyairan mampu membezakan seseorang penyair dengan penyair yang lain. Penyair yang memiliki rasa cinta yang menebal ini secara tidak langsung akan lebih menjurus kepada satu rasa yang kuat untuk mencari cinta-Nya. Hakikat rasa apabila seseorang itu sedang dilamun cinta, secara zahirnya hatinya akan membutikkan rasa *mahbub-asyik* seperti "rindu", "kasih", "selalu ingin bersama", "ghairah" dan sering mempunyai "rasa ingin memenuhi kehendak kekasihnya". Hakikat-hakikat ini cukup menarik untuk dilihat dalam puisi-puisi yang bernalfaskan Islam, bagaimana olahan dan kreativiti seseorang penyair mampu ditemui dalam bait-bait puisi yang dihasilkan tentang hakikat rasa cinta yang diluahkan penyair terhadap pencipta-Nya.

Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk membawa minda pembaca dan pengkaji puisi untuk menilai dan memahami luahan hati penyair yang telah menghasilkan puisi-puisi bernafaskan Islam di samping mampu menilai rasa cinta penyair terhadap pencipta-Nya. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah memilih salah seorang penyair yang telah banyak menghasilkan puisi yang bernafaskan Islam iaitu Darma Mohammad. Kreadibiliti dan kebolehan semula jadi kurniaan-Nya telah menjadikan penyair ini begitu menonjol membawakan persoalan-persoalan Islam dalam setiap karya yang dihasilkan oleh beliau.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Kehadiran ramai penyair Islamik di negara telah memperbanyakkan lagi korpus penghasilan puisi berunsurkan Islamik. Saban hari penghasilan puisi Islamik di negara ini melalui revolusi hasil kepelbagaian latar belakang penyair. Perbezaan ini telah menjadikan puisi-puisi Islam di negara ini terus tidak lesu dengan idea-idea usang. Hal ini jelas terbukti apabila kebanyakkan penyair kini cuba mencari kelainan dalam penghasilan puisinya tanpa melupakan asas-asas Islam yang harus diketengahkan dalam sesebuah karya.

Justeru, faktor-faktor tersebut telah menimbulkan kerancakan berhubung kajian berkaitan dengan puisi Melayu terutamanya puisi yang bercirikan Islamik. Ada kalanya, kajian yang dilakukan oleh tokoh-tokoh terdahulu terhadap puisi-puisi Islamik ini masih lagi menyentuh mengenai isu yang cetek seperti kajian berhubung tema-tema puisi Islamik, gaya bahasa yang digunakan dalam puisi Islamik dan beberapa perkara lain yang dilihat sebagai kurang mendalam. Oleh yang demikian, pengkaji merasakan perlunya di lakukan kajian yang lebih menjurus kepada konsep pertalian manusia dengan Allah S.W.T. seperti cinta kepada Ilahi. Hal ini kerana, puisi-puisi Islamik di negara ini sudah lama mencapai tahap konsep perhubungan manusia dengan Allah S.W.T.

Seterusnya, dari sudut pemilihan puisi dan penyair. Pengkaji telah memilih puisi dan penyair Darma Mohammad sebagai bahan untuk melihat wujudnya hubungan Cinta penyair dengan Allah S.W.T.. Darma Mohammad dilihat setanding tokoh-tokoh penyair Islamik yang terkemuka di negara ini. Kebanyakkan hasil karyanya menitikberatkan soal Islam. Tidak hairanlah jika namanya sebaris dengan nama-nama penyair Islam seperti Suhami Haji Muhammad, Nahmar Jamil dan beberapa orang penyair lagi seperti Ahmad Kamal Abdullah, Syafie Abu Bakar dan sebagainya.

Malangnya sehingga kini, puisi-puisi Darma Mohammad masih lagi di pandang sepi oleh sesetengah pengkaji. Buktinya pengkaji mendapati masih belum ditemui satu kajian yang menyeluruh mengenai puisi-puisi Darma Mohammad. Sedangkan ada dalam kalangan rakan-rakan penyairnya mengakui bahawa puisi Darma Mohammad memiliki ciri-ciri keislaman. Sebagaimana pendapat Wan A. Rafar yang mengatakan bahawa:

Pelbagai tema dan persoalan telah digarap dalam karya-karyanya, daripada persoalan peribadi hingga ke persoalan kemanusiaan sejagat, daripada pendidikan ke ekonomi, daripada sosial hingga ke politik. Tetapi, persoalan keagamaan dan keislaman nampaknya mendominasi kebanyakan karya-karyanya, terutamanya puisi. (Wan A. Rafar 2005: 78).

Di samping itu, pengiktirafan yang diterima oleh penyair Darma Mohammad sebagai penyair yang bernafaskan Islam serta telah diberi kepercayaan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menerbitkan puisi-puisinya juga telah menampakkan bahawa keupayaan penyair Darma Mohammad menghasilkan puisi-puisi yang bercirikan Islamik. Oleh itu, adalah perlu kajian tentang puisi-puisi penyair Darma Mohammad ini dilakukan bagi melihat keistimewaan dan kekuatan keislaman yang dikatakan sering diperlihatkan penyair Darma Mohammad dan puisi-puisinya.

## 1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti dan menganalisis persoalan cinta kepada Ilahi dalam puisi-puisi Darma Mohammad.
2. Merumuskan persoalan cinta kepada Ilahi dalam puisi-puisi Darma Mohammad.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Berkonsepkan perkongsian ilmu, kajian yang dilakukan ini diharap mampu dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat pembaca sastera terutamanya dalam genre puisi. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi ruang kepada munculnya pembaharuan demi pembaharuan dalam sastera tanah air. Kepelbagaian kajian yang dilakukan dalam bidang sastera khususnya dalam genre puisi Islamik akan membantu kepada perkembangan proses penulisan puisi yang bernafaskan Islam di negara ini. Oleh yang demikian, kajian yang dilakukan ini akan menyentuh mengenai cinta kepada Ilahi yang merupakan sebahagian daripada sastara sufi dan tasawuf dengan melihat puisi yang dihasilkan oleh penyair Darma Mohammad dalam beberapa kumpulan puisinya. Berhubungan dengan ini, kajian ini diharap juga mampu mempelbagaikan demensi kajian terhadap bidang puisi yang bernafaskan Islamik dan mampu mengembangkan bidang puisi Islam di negara ini.

Tanpa usaha dan tekat yang jitu pembaca sastera khususnya genre puisi mungkin akan berkurangan dan ini sedikit sebanyak memberi kesan buruk terhadap trasformasi budaya masyarakat melalui karya sastera. Oleh itu, usaha memupuk dan menanam minat terhadap sastera perlulah bermula dari rebungnya, sama seperti mendidik kanak-kanak mengenali sesuatu. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan dengan harapan dapat memberi kebaikan kepada:

##### i. Pengkaji

Kajian ini akan memberi pendedahan kepada pengkaji untuk terus mendalami ilmu-ilmu sastera bercorak Islamik serta berupaya menganalisis sesuatu isu yang diutarakan oleh seseorang penyair. Penyair berkarya menerusi ilham yang tercetus di minda melalui pemerhatian, pengalaman sendiri dan orang lain, peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka, serta melalui pembacaan. Justeru, penting bagi pengkaji meneliti dan menganalisis setiap puisi yang dihasilkan oleh penyair di samping mempelajari ilmu yang dibawa oleh penyair dalam beberapa kumpulan puisinya.

##### ii. Dunia sastera dan khalayak pembaca

Kajian ini bersumberkan maklumat terkini dalam bidang sastera Islamik dan secara tidak langsung dapat membantu khalayak pembaca tentang perkembangan dunia kesusteraan. Seterusnya khalayak pembaca juga dapat melihat kepelbagaian cara dan gaya penyair mengangkat kebesaran Allah S.W.T. yang disalurkan oleh penyair dalam karya-karya mereka. Bagi pihak pembaca juga, keterbukaan tidak lagi terkongkong dengan pemikiran lama yang sering diketengahkan oleh penyair serta dapat melihat perkembangan pemikiran penyair muda.

##### iii. Bidang ilmiah dan dunia akademik

Kajian ini diharapkan dapat dijadikan landasan tepat oleh pengkritik lain dalam menambahkan lagi korpus kritikan dan memantapkan lagi kajian-kajian lepas bagi memperkemaskan bidang kesusteraan tanah air. Penglibatan pengkritik dalam memberikan ulasan dan saranan terutamanya dalam puisi yang bercirikan Islam dilihat mampu mencerahkan peluang untuk bidang puisi bercorak Islam terus berkembang dan diminati oleh pengkaji-pengkaji baru. Di samping penyair dapat memperkasakan lagi bidang penulisan puisi dan membantu penyair-penyair muda untuk berkarya. Selain itu, kajian ini juga dapat dijadikan satu cara untuk mengembangkan dakwah dan memantapkan akidah umat Islam di samping membantu insan mencapai redha-Nya. Seterusnya, kajian ini diharap dapat membantu individu, pelajar, guru, institusi mahupun badan-badan kesusteraan dalam kajian mereka di masa hadapan.

Justeru itu, satu kajian yang mendalam perlu dilakukan dengan teliti agar kajian ini adalah diharapkan dapat membantu pembaca terutamanya peminat puisi memahami dan seterusnya menghayati puisi terutamanya karya Darma Mohammad. Selain itu, kajian ini juga dipilih dan dijalankan supaya dapat membantu menerangkan serta cuba menarik minat khalayak pembaca terutama generasi muda terhadap puisi. Oleh yang demikian, keseluruhannya kajian ini dijalankan adalah untuk melihat cinta kepada Ilahi antara penyair dengan pencipta-Nya. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat batas-batas seorang muslim mencari cinta-Nya sebagaimana disarankan dan diajarkan dalam al-Sunnah dan kalam Allah S.W.T. menerusi kumpulan puisi karya Darma Mohammad.

### **1.5 Batasan Kajian**

Kajian ini akan tertumpu kepada beberapa konsep cinta kepada Ilahi yang dibawakan oleh pengkaji dalam menganalisis puisi-puisi Darma Mohammad. Antara konsep yang akan dibincangkan iaitu:

- i. Cinta kepada Ilahi meliputi konsep Kekasih dan perindu (*Mahbub-asyik*).
- ii. Cinta kepada Ilahi meliputi konsep mendekati Allah melalui jalan-jalan Sufi dan kerohanian.
- iii. Cinta kepada Ilahi meliputi konsep kehambaan (*ubudiyah*).

Sejumlah 346 buah puisi akan dikaji dalam kajian ini. Puisi-puisi yang dimaksudkan adalah seperti di bawah.

<b>Bil.</b>	<b>Kumpulan Puisi</b>	<b>Tahun Penerbitan</b>	<b>Jumlah Puisi</b>
1.	Kumpulan Puisi <i>Gernyut Nafas</i>	1989	75
2.	Kumpulan Puisi <i>Janjang Iktikaf</i>	2003	81
3.	Kumpulan Puisi <i>Nafas Dari Lembah Atar</i>	2009	30
4.	Kumpulan Puisi <i>Ufuk Fikir</i>	2012	160
<b>JUMLAH KUSELURUHAN PUISI</b>			<b>346</b>

Jadual 1 : Kumpulan-Kumpulan Puisi Darma Mohammad

Daripada keseluruhan empat buah kumpulan puisi ini. Kesemuanya akan diteliti dan dikaji untuk merungkai mengenai Cinta Ilahi dalam puisi yang dihasilkan oleh penyair di samping mengalikasikan teori konseptual kata kunci janaan Mohammad Mokhtar Hassan.

### **1.6 Definisi Operasional**

#### **1.6.1 Cinta kepada Ilahi**

Menurut Zaiton Ajamain (1990), cinta kepada Ilahi merupakan percikan daripada rasa rindu dan kasih hamba-Nya, kecintaan kepada Tuhan, *mahabbah* (rasa kasih) kepada-Nya. Tambahnya lagi, cinta kepada Allah ataupun cinta Ilahi adalah darjah tertinggi yang dapat dicapai oleh keikhlasan dan kemajuan rohani insan melalui taubat, penyesalan, sabar, taat, serta kebijakan-kebijakan lain sebagai langkah permulaan ke arah pengabdian cinta.

Samsina Abdul Rahman (1996), telah meletakkan asas bahawa cinta kepada Ilahi selain digambarkan melalui hubungan antara mahbub-asyik yang membawa pengaruh pemikiran tasawuf falsafah, lahir juga hubungan yang lebih bersifat sejagat iaitu cinta dan kehidupan bertasawuf. Ia bererti boleh dan berhak mencintai serta mendekati Allah melalui jalan-jalan sufi dan rohani.

Seterusnya, Rushdi Ramli (2011) menyatakan bahawa seseorang yang mencintai Allah, maka wajiblah dia mengikuti Rasulullah iaitu dengan membenarkan berita-berita yang dibawa, mentaati segala perintah dan mencontohi perjalanan hidup baginda.

Di samping itu, Abu Syeikh Abd Aziz (2014), menjelaskan cinta kepada Ilahi merupakan cinta seorang hamba kepada Allah S.W.T. dengan meletakkan hatinya ingat kepada-Nya, selalu cinta, merasa nikmat munajat kepada-Nya, merasakan kelazatan khidmat kepada-Nya dan meluruskan cintanya kepada-Nya serta menganggap cukup dengan-Nya dari segesuaian selain-Nya.

Menurut Sahl ibn Abdullah (2014), antara tanda-tanda cinta kepada Allah adalah mengutamakan Allah daripada dirinya sendiri. Tambahnya lagi antara tanda-tanda cinta kepada Allah S.W.T. adalah hati dan lisanmu tidak pernah berhenti berzikir kepada Allah S.W.T.(Abu Syeikh Abd Aziz, 2014).

Manurut Misbah Em Majidy (2012) cinta Allah dan rasul-Nya ialah mengutamakan kebaktian dan ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya berbanding segala kepentingan dan keinginan diri. Dengan demikian, laku ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya tidak dilumuri oleh gejolak keinginan nafsu diri. Biarpun gejolak nafsu sentiasa menggoda jiwa dan perasaan, tetapi keteguhan iman terus membentengi diri daripada terpesong dari jalan Allah. Itulah makna cinta Allah dan Rasul-Nya. Tetap teguh biarpun ombak godaan terus membadii jiwa.

Seterusnya menurut Mahmud Bin as-Syarif (2000) cinta kepada Allah akan melahirkan perasaan yang penuh semangat menyucikan akhlak dan menajamkan naluri (*gharizah*). Ia membimbing mereka sehingga jiwa menjadi bersinar penuh dengan cinta dan dicintai.

Di samping itu, memetik daripada sepotong ayat al-Quran di dalam surah ali-Imran ayat 31 yang dilihat amat berkait rapat untuk mendefinisikan dengan Cinta Ilahi. Hal ini dapat diteliti dalam terjemahan ayat berikut yang mengatakan bahawa : Katakanlah (Wahai Muhammad) : “Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, Lagi Maha Mengasihani.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan di sini bahawa cinta Ilahi mahupun Cinta kepada Allah adalah satu perasaan yang benar-benar mencintai Allah melebihi dari segala-galanya dan untuk sentiasa berada dalam cinta kepada Ilahi seseorang itu perlu beramal ibadah kepada-Nya, melakukan sesuatu yang disuruh oleh-Nya serta sentiasa menganggap bahawa diri merupakan hamba kepada-Nya.

Jika dilihat kembali pendapat tokoh-tokoh di atas tentang cinta kepada Ilahi, dapat dikelaskan bahawa cinta kepada Ilahi memiliki ciri-ciri yang perlu diutamakan. Menurut pendapat Menurut Zaiton Ajamain beliau telah menetapkan bahawa cinta kepada Ilahi merupakan percikan daripada rasa rindu dan kasih hamba-Nya manakala Samsina Abdul Rahman pula mengatakan bahawa cinta kepada Ilahi selain digambarkan melalui hubungan antara *mahbub-asyik* yang membawa pengaruh pemikiran tasawuf falsafah. Seterusnya menurut Mahmud Bin as-Syarif cinta kepada Allah S.W.T. akan melahirkan perasaan yang penuh semangat menyucikan akhlak dan menajamkan naluri.

Justeru, berdasarkan pendapat tokoh-tokoh ini dapat diklasifikasikan beberapa ciri yang berkait rapat dengan cinta kepada Ilahi pertamanya ialah meliputi kesempurnaan perasaan seperti rasa rindu, rasa kasih dan keupayaannya untuk dizahirkan dalam kehidupan sehari-hari. Seterusnya, ciri yang kedua yang berkait rapat dengan cinta kepada Ilahi adalah melalui perhubungan cara ataupun perlakuan. Ciri ini ditimbulkan kerana berdasarkan beberapa pendapat tokoh di atas yang menyebut tentang ibadah seperti berzikir, membaca al-quran dan sebagainya sebagai salah satu lagi perkara yang boleh dikatakan sebagai cinta kepada Ilahi.

### 1.6.2 Puisi

Zurinah Hassan berpendapat bahawa puisi merujuk kepada hasil kesusasteraan yang ditulis dengan tidak menuruti tatabahasa dan tidak berdiri daripada ayat-ayat lengkap, melainkan terdiri daripada frasa-frasa yang disusun dalam bentuk yang berirama dan apabila dibaca pembaca akan merasa rentaknya. (Zurinah Hassan, 2012: 2)

Menurut Abdul Halim Ali puisi boleh dikatakan hampir keseluruhan daripadanya kehidupan masyarakat terangkum dalam persembahan dan pengucapan puisi. (Abdul Halim Ali, 2006:7).

Muhammad Haji Salleh mengatakan puisi sebagai menawarkan fikiran, perasaan dan pandangan dalam bentuk yang padat, merdu, indah dan imaginatif. Bahasa yang digunakan disaring daripada ucapan rasmi atau harian yang terbaik, dan disusun semula untuk kesan muzik dan maksudnya (Muhammad Haji Salleh, 2005:5). Dalam *Kamus Sastera Terkini Nukilan Ab. Rahman Ab. Rashid, Harun Jaafar, Talib Samad dan Rosli Saludin*. Puisi bermaksud karangan berangkap atau rangkaian kata yang berangkap-angkap. Pantun, Syair dan Sajak ialah contoh puisi. (2004: 93).

Dalam pada itu, Lim Swee Tin berpendapat puisi sebagai sajak. Oleh itu sajak merupakan karya kreatif yang dihasilkan melalui perenungan yang mendalam dan meninggalkan kesan perasaan yang dapat dipertanggungjawabkan. Tambahnya lagi, dipertanggungjawabkan kerana sajak ditulis secara yang serius, bukan sesuka hati atau sewenang-wenangnya tentulah sukar dipertahankan nilai dan faedahnya. (2003: 4). Mohd Taib Osman berpendapat puisi adalah satu bentuk perhubungan atau komunikasi (Mohd Taib Osman, 1986).

Seterusnya, Alwi Salim menyatakan penyajak moden yang hidup dan aktif pada awal tahun 20-an ini, mereka dilihat lebih menyadari sajak itu sebagai unsur pengucapan yang cocok dengan perkembangan ilmu pengatahan moden serta perjuangan mereka. Isinya disampaikan dengan penggunaan kata-kata yang ringkas dan padat, bebas dari sebarang konvensi atau syarat, dapat pula mengobarkan semangat dan perasaan-semangat dan keinginan untuk membebaskan negara dari belenggu pemerintahan Belanda. Jadi sajak sesuai dijadikan alat propaganda, penyedar bangsa dan membebaskan negaranya. (Alwi Salim, 1983;104).


Aripin Said pula berpendapat bahawa pada dasarnya puisi dapat dibahagikan kepada dua bentuk yang umum iaitu:

- i. Mempunyai bentuk yang tertentu, tetap atau terikat dan boleh dikenal secara jelas seperti syair, pantun dan nazam.
- ii. Mempunyai bentuk yang tidak tetap, bebas dan tidak terikat dan jenis ini memerlukan pembahagian atau perbezaan dari aspek isi dan fungsi. (Aripin Said, 1994: 124)

Tambahnya lagi sajak ialah suatu pengucapan atau pengakuan seseorang penyair. Pengucapan yang dimaksudkan ialah pengucapan yang mengandungi hasrat, keinginan, kemauan, cita-cita dan sikap penyair. Ia adalah suatu pernyataan sikap terhadap sesuatu atau salah satu atau keseluruhan dari kehidupan manusia”, ialah “sebagai hasil penemuan fikiran dan daya rasa” penyair; hasil dari sesuatu yang mendorongnya, yang bergerak-gerak di dalam jiwanya, yang meronta-ronta mahu lepas keluar dari bendung hatinya”. Ia bukanlah nyayian orang putus asa yang mencari ketenangan dan kepuasan. Tidak ketinggalan menurut DRS. Atmazaki 1993 puisi pada dasarnya lebih merupakan sifat atau nilai keindahan bahasa yang indah itulah yang menghasilkan unsur keindahan atau juga disebut sebagai puitis.

Harman J. Walugo, dalam bukunya yang bertajuk *Teori dan Apreasiasi Puisi* menyatakan puisi terjadi melalui pengkonsentrasi dan pemanfaatan unsur-unsur kemudian dirapikan, diperbaiki, diatur sebaik-baiknya dengan memperhatikan irama dan bunyi (Herman J. Walugo, 1987; 25).

Rumusannya puisi dapat dijelaskan sebagai satu cetusan ide yang lahir dari diri seseorang penyair untuk menggambarkan dan menyatakan mengenai sesuatu isu, peristiwa dan kejadian yang dilihat oleh mata kasar penyair-penyair. Idea-idea yang diluahkan dizahirkan dalam satu rangkap yang menarik dengan memasukkan pelbagai permainan bahasa menjadikan sebuah puisi itu indah dibaca dan dihayati.



## BIBLIOGRAFI

Abdul Halim Ali.(2006).*Mendekati Puisi Melayu Tradisional*. Tanjung Malim: Penerbit Profesional Baharu.

Abdul Aziz Alias.(2005).Konsep Perjuangan Kepimpinan Keris Mas : Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci. Latihan Ilmiah, Jabatan Kesusastraan Melayu, Akedemi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Abu Syekh Abdul Aziz Ad-Darimy. (2014). *Tharah al-Qulub*. Batu Caves: Pustaka Al-Ehsan.

Ahmad Kamal Abdullah.(2010).*Simbolisme Dalam Puisi Islam di Malaysia 1979-1990*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Ahmad Kamal Abdullah.(2010).*Landskap Ungu*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Ab. Rahman Ab. Rashid, Harun Jaafar, Talib Samad dan Rosli Saludin.2004.*Kamus Sastera Terkini*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Al- Jauziyah.(2003).*Panduan Bercinta dan Memendam Rindu*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Al-Ghazzali.(2004).The Alchemy of Happiness. USA: SIME Jurnal (<http://majalla.org>).

Alwi Salim.(1983). *Puisi Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti SDN. BHD.

Amatzaki.(1993).*Analisis Sajak Teori, Metodologi dan Aplikasi*. Bandung: Penerbit Angkasa.

Aripin Said.(1994). *Puisi Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azhar Salleh.(2007). *Unsur Feminisme dan Falsagah Nasionalisme Dalam Meranduk Ranjau : Suatu Penerapan Teori Konseptual Kata Kunci*. Kertas Kerja, Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka.

Baharudin Ahmad (peny).(1992). *Sastera Sufi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Darma Mohammad.(1989). *Genyut Nafas*. Kuala Lumpur: Perkumpulan Penyajak Mutakhir Malaysia.

Darma Mohammad.(2003). *Janjang Iktikaf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Darma Mohammad.(2009). *Nafas Dari Lembah Atar*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Darma Mohammad.(2012). *Ufuk Fikir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rushdi Ramli.(2011).*Khazanah Cinta Ilahi*. Syah Alam: Karya Bestari.

H. Aboebakar Atjeh.(1977).*Pengantar Sastera Sufi*. Kota Baharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Herman J.Walugo.(1987).*Teori dan Apreasiasi Puisi*. Jakarta: Penerbit Erlangga.

Ismail Hussein (peny).(1986).*Sastera dan Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Imam Nawawi. (1999). *Cinta dan Rindu Kepada Allah*. Kuala Lumpur: Darul Nu'Man

Jelani Harun (editor).(2013). *Jalan Ke Taman, Esei-Esei Penghargaan Untuk Profesor Ali Ahmad*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Lim Swee Tin.(2011). *Dinamika Kreatif Penulisan Sajak*. Syah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.

Lutpi Mustafa El-Batnani. (2000). *Peranan Sufi Dalam Gerakan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.

Mohd Shahrizal Nasir.(2010). Mesej Benar dan Jelas Sebagai Asas Sastera Islam: Analisis Novel Rihlah Ila Allah Oleh Najib Al-Kilani. Dalam *Kedudukan Ilmu Dalam Kesusasteraan Teori dan Praktis*.Halaman 519-548. Bangi: Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA).

Mohd. Hashim Osman.(2009).*Bahasa Cinta Hamzah Fansuri*. Mingguan Malaysia. Kelauran 6 Disember 2009.

Mohd Haizon Ibrahim.(2002). *Konsep Kemiskinan Kepimpinan dan Keadilan Dalam Lari Bersama Musim : Penerapan Terhadap Pendekatan Kata Kunci.* Latihan Ilmiah, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akedemi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Mohamad Mokhtar Hassan.(2006). *Dengup Jantung Penerapan Terhadap Teori Konseptual Kata Kunci.* Kertas Kerja Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang.

Mohamad Mokhtar Hassan.(2006) *Menanti Buraq : Konsepsi Marsli N.O.* Kertas Kerja, Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Mokhtar Hassan.(2005). *Teori Konseptual Kata Kunci.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Sofwan Amrullah. (1994). *Percintaan Seorang Gadis Sufi.* Kuala Lumpur: Pustaka al-Fawaris.

Mohammad Nidzam Abd. Kadir. (2010). *Tasawuf Kontemporari.* Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Muhammad Haji Salleh.(2005).*Pengalaman Puisi Edisi Kedua.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Bukhari Lubis (peny).(1994). *Persuratan Islam.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Musa Mat Daud.(2007). *Koseptual Keris Mas Dalam Kumpulan Cerpen Darah dan Air Mata : Penerapan Terhadap Teori Konseptual Kata Kunci.* Latihan Ilmiah, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akedemi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Muhammad Athiyah Khamis. (2000). Penyair Wanita Sufi Rabiah al Adawiyah. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Nur Hamizah Hj. Hashim dan Nur Sham Hj. Abdul Azizi.(2010). *Puisi-Puisi Pilihan Muhammad Hj. Salleh.* Kertas Kerja, Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rashidah Hashim.(1996). *Puisi Cinta Masyarakat Melayu Tradisional.* Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Raja Rejeswari Seetha Raman. (2006). *Wan Ahmad dan Teori Konseptual.* Mingguan Malaysia. Keluaran 18 Jun 2006.

Rohimi Jamal.(2004). *Pemikiran Tasawuf Dalam Kumpulan Puisi al-Tariq dan Kumpulan Puisi Kharmizi*. Ijazah Master Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Samsina Abd. Rahman. (1996). *Unsur-Unsur Tasawuf Dalam Puisi Melayu Modern di Indonesia dan Malaysia : Satu Kajian Perbandingan*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salleh Yaacob. (2008). *Eulogi Dalam Janjang Iktikaf*. Utusan Malaysia. Keluaran 6 Januari 2008.

Shafie Abu Bakar.(1980) Sastera Melayu Sastera Islam. Dalam *Kesusasteraan Melayu dan Islam, Suatu Pertembungan Pemikiran*. Halaman 42-71. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.

Syamsuddin Othman. (2010). *Menyaring Rasa Insaniah Dalam Kumpulan Puisi Simbiosis*. Kertas Kerja Seminar Bicara Karya Melaka.

Syeikh Mohamah Nor Mansur (Pengerusi).(2010).*Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim*. Batu Caves: Al-Hidayah House Of Quran Sdn Bhd.

Syaidatun Nazirah Abu Zaharin, Abidah Abd Rahman dan Nurul Aida Abd Ghani.(2011). *Cinta Motivasi Berfikir*.Kuala Lumpur: Utusan Publication And Distributors Sdn Bhd.

Syafiq Afendi Yaakub.(2007). *Kumpulan Puisi Istana Berembun Karya Ishak Haji Muhammad : Penerapan Terhadap Teori Konseptual Kata Kunci*. Latihan Ilmiah, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akedemi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Wan A. Rafar. "Darma Masih Belum Berhenti Menulis" dlm *Dewan Sastera*, Ogos 2005 halaman 76-78. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaiton Ajmain. (1990). *Penyair dan Cinta Ilahi*. Kertas Kerja Seminar Sehari Pengucapan Puisi Islam.

Zakaria Stapa. (1993). *Ibnu Arabi Tokoh Sufi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zalilah Zainuddin. (2007). *Konseptual Kata Kunci : Aplikasi Terhadap Cerpen-Cerpen Keris Mas*. Ijazah Sarjana. Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akedemi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Zurinah Hassan.(2012).*Puisi Melayu Tradisional, Pantun, Syair, Gurindam, Nazam, Seloka*. Ampang: Pekan Ilmu, 2012.